katanya, semuanya bergantung kepada kelulusan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Jika KPT mengarahkan saya tukar universiti, saya akur dan bercadang untuk menyambung pengajian di United Kingdom," jelas Yusramizza.

Beliau bersyukur suaminya Md Hilmy Sulaiman mamberi sokongan yang padu dan sentiasa positif walaupun Yusramizza berhadapan dengan kesulitan.

Pensyarah Undang-undang Jenayah dan Antarabangsa, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS) UUM ini membuat pengkhususan dalam undang-undang jenayah dadah.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Yang Berbahagia Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, UUM berhadapan dengan cabaran yang besar untuk menambah bilangan pensyarah pada masa akan datang.

"Pelbagai sistem *rating* ditentukan oleh kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mencapai pelbagai sasaran terutama untuk menjadi *Malaysian Top Business School*," kata Dr Mohamed Mustafa.

Beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada penerima wang insentif tersebut serta memberikan dorongan kepada pensyarah UUM yang menyambung pengajian PhD agar dapat menyelesaikan pengajian tepat pada masanya.

Dr Mohamed Mustafa juga menambah, hadiah wang insentif yang besar tersebut dapat memberi inspirasi kepada yang lain untuk cemerlang dalam pengajian masing-masing.

Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Cuti Belajar Untuk Mengikuti Pengajian PhD/ Sarjana dan Penyerahan Cek Insentif Pelajar disempurnakan oleh Naib Canselor UUM baru-baru ini di Bilik Lembaga Pengarah Universiti, UUM.

Habis.

==========

DARIPADA
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL :04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS :04-928 3016
E-MEL : ukkuum@uum.edu.my